

19/07/2002

Kepercayaan pulih di Pendang, nyaris di Anak Bukit

KISAH di sebalik keputusan pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit menceritakan sesuatu yang pahit. Suruhanjaya Pilihan Raya melabelkan kempen pilihan raya kecil kali ini sebagai "kotor dan memalukan" terutama cara penyokong Pas bertindak terhadap ahli Umno. Memang tidak dinafikan akan berlaku kejadian luar dugaan dalam pilihan raya. Tetapi kali ini bahangnya lebih hangat. Lebih banyak pertelingkahan dan pertembungan. Kejadian vandalisme terhadap harta benda dan menakutkan perayu undi berleluasa. Malah ada yang cedera. Ini tidak pernah disaksikan dalam sejarah pilihan raya di negara ini. Dua pilihan raya ini akan dikenang bukan kerana kejayaan demokrasi tetapi keganasan dan ketaksuban Pas memperjuangkan ideologi mereka.

Saingan antara Umno dan Pas, terutama penyokong pembangkang sudah melepasi semua had dan tatasusila yang diterima sejagat. Semua yang ditekan dan didokong Islam seperti dibuang ke luar tingkap. Pertembungan kedua-dua seteru politik ini bukan lagi mengenai prinsip dan ideologi. Sebaliknya, seluruh negara menjadi saksi "peperangan hitam" antara baik dan buruk, yang betul dan salah seperti tidak pernah dilihat sebelum ini. Pengundi sebagai penentu terakhir sudah membuat keputusan walaupun agak berbelah bagi.

Sekali imbas kemenangan tipis Pas dengan majoriti 508 undi dilihat sebagai undi simpati bagi mengenang bekas penyandang Allahyarham Datuk Fadzil Noor. Tetapi perasaan sama mungkin tidak dikongsi pada peringkat akar umbi di Anak Bukit dan Pendang. Umno dan Barisan Nasional (BN) boleh berbangga kerana berjaya mengurangkan majoriti Pas di Anak Bukit manakala majoriti tipis 283 undi bagi Parlimen Pendang lebih melegakan tetapi bukan sesuatu yang boleh diraikan. Apa yang nyata keputusan kedua-dua pilihan raya ini bukan mengenai kemenangan atau kekalahan. Keputusan itu menunjukkan perpecahan yang menghantui masyarakat Melayu di Kedah masih wujud tetapi tidak seburuk seperti pada pilihan raya umum 1999. Orang Melayu sudah kembali bersatu walaupun tidak sepenuhnya, sesuatu yang baik kepada masa depan bangsa Melayu.

Pujian kepada Umno dan rakan komponen dalam BN yang menunjukkan kematangan dan perpaduan dalam usaha merampas kedua-dua kerusi itu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuktikan kepimpinannya manakala Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berkampung di Kedah sepanjang lapan hari berkempen tidak jemu bertemu pengundi bagi memastikan kemenangan. Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhammad Taib bekerja keras manakala sumbangan Menteri Besar Perlis Datuk Shahidan Kassim dan Menteri Besar lain terutama Datuk Seri Syed Razak Syed Zain tidak dapat dinafikan.

Jelas kejayaan ini hasil usaha bersama dan bersepadu semua pihak tetapi seperti ditunjukkan dalam keputusan akhir, semua usaha ini hampir sia-sia. Bagi Umno dan BN, perjalanan bagi mengukuhkan pengaruhnya di Kedah dalam pilihan raya umum akan datang masih jauh dan penuh liku serta duri. Banyak lagi perlu dilakukan Umno Kedah terutama bagi menarik golongan muda. Kesungguhan golongan ini bermotosikal sekeliling kampung dan sanggup melakukan apa saja menghalang kejayaan BN dan mempertahankan Pas adalah perisai penting kepada kejayaan parti itu dalam kawasan seperti Pendang dan Anak Bukit. Golongan ini perlu diberi perhatian Pemuda Umno. Kejayaan menarik golongan muda ini akan mempercepatkan arus perubahan kepada Umno.